



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS CAHAYA RAMADHAN,
TEMBANGAU, BERA, PAHANG**

**11 JUN 2017 (AHAD)
WAKTU KETIBAAN :**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

BISMILLAHI-RAHMANI-RAHIM
ASSALAMUALAIKUM W.B.T.,
SALAM SEJAHTERA, SALAM RAMADHAN
AL-MUBARAK

BICARA PENDAHULUAN

1. ALHAMDULLILAH, TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PUJIAN DAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA, RAHMAT DAN HIDAYAH-NYA, KITA SEMUA DAPAT BERKUMPUL DI DEWAN INI, BAGI BERSAMA-SAMA MERAIKAN BULAN PERJUANGAN, BULAN YANG MULIA, RAMADHAN AL-MUBARAK.
2. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YB DATO' SRI BUNG MOKTAR RADIN, PENERUS FELCRA BERHAD, KERANA BERJAYA MENGANJURKAN MAJLIS CAHAYA RAMADHAN INI, YANG JUGA DIADAKAN DI SELURUH NEGARA DENGAN KERJASAMA DARI PIHAK YAYASAN FELCRA.
3. SAYA BERASA AMAT BERSYUKUR KERANA MAJLIS INI ADALAH MAJLIS YANG PERTAMA DIADAKAN, DIMULAKAN DI TEMPAT KITA, TEMBANGAU, BERA DAN SAYA TELAH DIJEMPUT UNTUK MENYEMPURNAKANNYA. TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA FELCRA BERHAD.
4. SAYA TURUT INGIN MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KIRA-KIRA LEBIH DARIPADA 1,000 WARGA DESA DI SINI, YANG TERDIRI DARI PESERTA-PESERTA FELCRA TEMBANGAU DAN BOHOR BARU, BERSAMA-SAMA PENDUDUK SETEMPAT DARI PENEROKA FELDA TEMBANGAU SERTA MASYARAKAT ORANG ASLI DI

SINI, YANG DAPAT HADIR BAGI BERSAMA MENGHAYATI SEMANGAT MESRA UKHWAH SESAMA KITA DI BULAN YANG MULIA INI.

BERKONGSI RASA BANGGA ATAS PENGORBANAN PEMIMPIN TERDAHULU

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

5. SELAKU MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH, SAYA DIBERI TANGGUNGJAWAB KHUSUS MENJAGA, MENYELIA, MEMANTAU DAN MENILAI PROGRAM-PROGRAM DAN AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SECARA MENYELURUH TERMASUK YANG DILAKSANAKAN OLEH AGENSI-AGENSI DI BAWAH SELIAAN SAYA SEPERTI FELCRA BERHAD INI SENDIRI, MARA, RISDA, JAKOA, KEMAS, KESEDAR, KETENGAH, KEDA DAN KEJORA.

6. KITA MENGGEMBLENG KEKUATAN TENAGA, IDEA DAN STRATEGI PENGURUSAN DI BAWAH SATU BUMBUNG KKLW, DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN, DENGAN PENDEKATAN KERJASAMA STRATEGI LAUTAN BIRU ATAU NBOS, DEMI WARGA DESA, TERMASUK TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

7. DI SINI, INGIN SAYA BERKONGSI RASA BANGGA YANG TIDAK TERHINGGA KERANA PERUBAHAN KETARA YANG TELAH MELANDA SEKTOR LUAR BANDAR YANG SATU KETIKA LAMA DAHULU, DIKENALI SEBAGAI KAWASAN YANG SERBA KEKURANGAN KHUSUSNYA DARI ASPEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN SOSIO-EKONOMINYA.

8. NAMUN, KITA PERLU BERASA AMAT BERSYUKUR KERANA KINI PEMBANGUNAN SEKTOR LUAR BANDAR TELAH MENGALAMI TRANSFORMASI MEGA HASIL USAHA GIGIH BARISAN PEMIMPIN YANG BERJIWA RAKYAT, PRIHATIN DAN BERWAWASAN JAUH, YANG SENTIASA BERFIKIR DAN BERUSAHA UNTUK MENGUBAH LANSKAP PEMBANGUNAN LUAR BANDAR.

9. MEREKA TELAH MENCETUSKAN IDEA-IDEA BESAR SEPERTI MENUBUHKAN AGENSI-AGENSI PEMBANGUNAN SEPERTI FELDA, MARA, RISDA DAN FELCRA INI SENDIRI YANG MASING-MASING SEHINGGA KE HARI INI TETAP KUKUH MELAKSANAKAN SATU PERSATU AGENDA PEMBANGUNAN NASIONAL, KHUSUSNYA UNTUK MASYARAKAT DI LUAR BANDAR.

ASPIRASI TRANSFORMASI LUAR BANDAR

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

10. SELAKU MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH INI JUGA SAYA MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB BESAR DALAM MENERUSKAN AGENDA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DEMI WARGA DESA, YANG PERLU DIBELA NASIBNYA, DIBELA MASA DEPANNYA DAN DIBELA WARISAN GENERASINYA.

11. LANTAS SAYA DENGAN SEGERA MEMPERKENALKAN ASPIRASI TRANSFORMASI YANG BERTERASKAN PRINSIP MEMBANDARKAN LUAR BANDAR BAGI MENJADIKAN KAWASAN LUAR BANDAR YANG KONDUSIF DENGAN PELBAGAI AKSESIBILITI DAN KEMUDAHAN SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH PENDUDUK DI BANDAR.

12. SAYA TELAH MEMINTA PEGAWAI-PEGAWAI SAYA MERENCANA STRATEGI PELAKSANAAN DENGAN PENYEDIAAN BAJET YANG SELESA UNTUK MEMAJUKAN LUAR BANDAR YANG MELANGKAUI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR ASAS. MAKNANYA SAYA HENDAKKAN NILAI PEMBANGUNAN YANG LEBIH DARI ITU.

13. SAYA MAHUKAN SUPAYA PASUKAN KERJA KKLW MELIPATGANDAKAN USAHA BAGI MENJANA PENDAPATAN YANG LEBIH TINGGI UNTUK WARGA LUAR BANDAR MELALUI PENGLIBATAN SWASTA, AKTIVITI EKONOMI KEUSAHAWANAN DAN MENCIPTA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN.

14. DI SAMPING ITU, KITA AKAN TERUS BEKERJA KERAS UNTUK MEMAJUKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR MELALUI PERUBAHAN SIKAP DAN MINDSET, PENINGKATAN ILMU DAN KEMAHIRAN.

15. SEPERKARA YANG JUGA AMAT PENTING ADALAH KITA PERLU MENGGALAKKAN GENERASI MUDA UNTUK TERUS TINGGAL DAN MEMBINA MASA HADAPAN DI LUAR BANDAR.

16. JADI, PADA KESELURUHANNYA NANTI, ASPIRASI SAYA INI AKAN DIREALISASIKAN MELALUI GERAK KERJA YANG MENYELURUH DI SEMUA PERINGKAT PELAKSANAAN SUPAYA APA YANG SAYA PERKENALKAN DALAM GAGASAN MEMBANDARKAN LUAR BANDAR YANG BERPAKSIKAN ENAM (6) FOKUS UTAMA DAN 19 TRANSFORMASI ITU AKAN MENJADI KENYATAAN YANG DAPAT DINIKMATI OLEH WARGA DESA SEMUANYA, INSYA-ALLAH.

PENGISYTIHARAN RM84.2 JUTA SEBAGAI JUMLAH AGIHAN KEUNTUNGAN PROJEK INTERIM PERTAMA 2017

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

17. SESUAI DENGAN SUASANA SAMBUTAN RAMADAN AL-MUBARAK DAN AIDILFITRI YANG BAKAL MENJELANG TIBA, PADA HARI INI SAYA DENGAN SUKACITANYA INGIN MENGISYTIHARKAN JUMLAH AGIHAN KEUNTUNGAN YANG TELAH DIJANA OLEH PROJEK-PROJEK FELCRA DI SELURUH NEGARA BAGI INTERIM PERTAMA TAHUN 2017.

18. JUMLAH AGIHAN INTERIM 1/2017 ADALAH SEBANYAK RM84,189,805.00. JUMLAH INTERIM INI DIAMBIL DARIPADA 70% KEUNTUNGAN PROJEK BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA APRIL 2017 YANG BERJUMLAH RM120,271,150.00.

19. PENGAMBILAN HANYA 70% ITU ADALAH BERTUJUAN MENYEDIAKAN RESERVE PERUNTUKAN BAGI MEMBIAYAI BELANJA KOS OPERASI LADANG TERUTAMA KOS BAJA APABILA AKAUN UNTUNG RUGI PROJEK-PROJEK INI DIMUKTAMADKAN KELAK.

20. PENCAPAIAN DI ATAS SEDIKIT SEBANYAK DIPENGARUHI OLEH FAKTA HARGA KOMODITI BAGI INTERIM PERTAMA TAHUN 2017 PURATA HARGA KOMODITI ADALAH RM312.72 PER METRIK TAN BAGI SAWIT, RM7.49 PER KILOGRAM BAGI GETAH DAN RM1,200 PER METRIK TAN BAGI PADI.

21. SUKACITA JUGA SAYA MEMAKLUMKAN BAHAWA BAGI TAHUN 2016 SEBANYAK 963 BUAH PROJEK FELCRA TELAH MEREKODKAN KEUNTUNGAN DAN MENGHIMPUN KEUNTUNGAN PROJEK SEBANYAK RM254,229,547.42.

PENUTUP

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN.

22. DI DALAM SUASANA KITA BERSAMA-SAMA MENYEMPURNAKAN IBADAH DI BULAN MULIA INI, SAYA MINTA SUPAYA KITA SENTIASA BERSABAR DAN TIDAK BERHENTI DARI MENGUCAPKAN SYUKUR KEPADA ALLAH S.W.T. KERANA DIANUGERAHKAN KEHIDUPAN YANG SEJAHTERA DALAM SEBUAH NEGARA YANG AMAN DAN STABIL.

23. NEGARA KITA TERUS KEKAL AMAN DAN STABIL KERANA PUCUK PIMPINAN KERAJAAN KITA SENTIASA PEKA DENGAN KEHENDAK RAKYAT, MENDALAMI ASPIRASI RAKYAT DAN TERUS BERSAMA RAKYAT.

24. NEGARA KITA TERUS KEKAL AMAN DAN STABIL KERANA RAKYAT BERBILANG KAUM DAN AGAMA DAPAT HIDUP BERSAMA DENGAN SEMANGAT TOLERANSI DAN BERPADU.

25. NEGARA KITA TERUS KEKAL AMAN DAN STABIL KERANA PEMIMPIN DAN RAKYAT SENTIASA DIDEKATKAN MENERUSI PROGRAM-PROGRAM PERJUMPAAN SANTAI SELESA SEUMPAMA INI.

26. LANTARAN ITU, KEADAAN INI PERLU DIKEKALKAN SEHINGGA BILA-BILA DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

27. SEKIAN, TERIMA KASIH. WASSALAM.
